

ROBOWARS
JUDGEMENT IS COMING



KUMPULAN pelajar UPM bersama Putra-Bot X yang menjadi juara.

Putra Bot-X juara

■ Pasukan UPM unggul pertandingan pertarungan robot

Oleh Syah Rul Aswari Abdullah
srul@hmetro.com.my
Bangi

“P enat lelah menghasilkan robot Putra-Bot X terbayar dengan kemenangan ini,” kata pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan (Elektrik dan Elektronik) Universiti Putra Malaysia (UPM), Mohd Hasimi Mohd Sidek 25, se-

lepas pasukannya muncul juara pertandingan pertarungan robot ‘Robogamez’ di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) di sini, semalam.

Menurutnya, kemenangan itu memberi kenangan manis buat pasukannya yang terpaksa menempuh pelbagai halangan demi menghasilkan robot dengan reka bentuk dan fungsi terbaik.

“Inilah pengalaman paling berbaloi buat kami,” katanya selepas menerima hadiah kemenangan RM3,500 daripada Ketua Pegawai Informasi Tenaga Na-

sional Berhad (TNB), Kama-ruddin Mahmood.

Robogamez yang memasuki tahun ketujuh dianjurkan Kelab Robotik Mobil dan Fakulti kejuruteraan UNITEN.

Tahun ini, 120 kumpulan pelajar institusi pengajian tinggi, sekolah menengah dan rendah serta peminat robot menyertai acara itu.

Selain Mohd Hasimi, pasukan UPM yang diwakili Mohamad Hafizi Kasman, 23, Mohamad Asmi Ashaari, 24, dan Muhammad Azizi Md Idrus,

22, itu menerima RM500 selepas robot rekaan mereka diiktiraf sebagai kejuruteraan terbaik.

Mohd Hasimi berkata, reka bentuk senjata diperbuat daripada komponen ‘pnumatic’ pada Putra-Bot X yang tidak dimiliki robot lain mungkin menjadikan hasil kerja mereka sebagai pilihan pengadil.

Menurutnya, Putra Bot-X yang dihasilkan dengan kos RM1,000 boleh diaplikasikan dalam kehidupan harian khususnya dalam kerja menyelenggara kawasan berisiko tinggi termasuk kawasan tumpahan bahan kimia berbahaya atau memiliki radioaktif.

FAKTA
Robot dihasilkan dengan kos RM1,000